



JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

**SYARAT-SYARAT LESEN ALAT MENANGKAP IKAN (PUKAT TUNDA)  
MENGUNAKAN KAPAL DI ZON 3  
DI BAWAH BAB 8 (1) PERINTAH PERIKANAN, 2009  
CONDITIONS OF LICENCE FOR FISHING GEAR (TRAWL NET) USING VESSEL IN ZONE 3  
UNDER CHAPTER 8 (1) FISHERIES ORDER, 2009**

---

1. Lesen ini (bilangan ..... ) adalah untuk alat menangkap ikan pukat tunda menggunakan kapal ..... (nama kapal) dengan bilangan daftar..... yang dipunyai oleh ..... (nama syarikat).  
**This licence (no. ....) is for fishing gear (trawl net) using vessel ..... (name of vessel) with registration number ..... owned by..... (company).**
2. Lesen ini tidak boleh digunakan untuk kapal lain. Nakhoda kapal dan anak-anak kapal hendaklah membawa kad nelayan semasa berada di atas kapal.  
**This licence shall not be used for other vessels. The captain and crew must carry their fisherman ID card while onboard.**
3. Pemegang lesen hendaklah tidak menukar milik, menjual atau memberikan manfaat lesen ini kepada orang lain.  
**The licensee shall not transfer, sell or assign the benefits of this licence to any other party.**
4. Kapal penangkapan ikan menggunakan alat pukat tunda hendaklah didaftarkan dengan pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan pada masa yang sama tidak boleh didaftarkan di negara-negara lain.  
**The fishing vessel shall be registered with the Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD) and concurrently shall not be registered in other countries.**
5. Kapal penangkapan ikan hendaklah dilengkapi dengan insuran badan kapal yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang dilantik oleh pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) yang masih sah tempohnya.  
**The fishing vessel shall be equipped with valid Marine Hull insurance issued by companies appointed by the Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD).**
6. Mana-mana kapal penangkapan ikan menggunakan alat pukat tunda hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:  
**Any vessel with trawl net fishing gear shall comply with the following:**
  - 6.1 Berat kapal hendaklah tidak kurang daripada **60.1 Gross Tonnage** dan tidak melebihi **150 Gross Tonnage**;



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

**The weight of the vessel shall not be less than 60.1 Gross Tonnage and shall not exceed 150 Gross Tonnage;**

6.2 Jumlah kuasa injin kapal hendaklah tidak kurang daripada **350.1 kuasa kuda** dan tidak melebihi daripada **600 kuasa kuda**;  
**The total engine power of the vessel shall not be less than 350.1 horsepower and shall not exceed 600 horsepower;**

6.3 Kapal hendaklah dilengkapi dengan peralatan elektronik termasuk:  
**The vessel shall be equipped with electronic equipment including:**

a. *Emergency Positioning Indicating Radio Beacon (EPIRB) atau Search and rescue radar transponder (SART);*  
**Emergency Positioning Indicating Radio Beacon (EPIRB) or Search and rescue radar transponder (SART);**

b. *Global Positioning System (GPS);*  
**Global Positioning System (GPS);**

c. *Magnetic Compass;*  
**Magnetic Compass;**

d. *Radar;*  
**Radar;**

e. *echosounder; dan*  
**echosounder; and**

f. *alat perhubungan radio VHF dan MF/HF atau SSB.*  
**VHF and MF/HF or SSB radio communication devices.**

dan mestilah sentiasa dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan;  
**and must always be in good and usable condition;**

6.4 Peralatan *Global Positioning System (GPS)* yang dibekalkan khusus bagi tujuan pemantauan perjalanan kapal (*vessel tracking*) adalah sama sekali tidak dibenarkan untuk diubahsuai dan mestilah sentiasa dihidupkan ('ON') dan tidak boleh dimatikan ('OFF') tanpa alasan yang munasabah dari mula keluar sehingga masuk dan bertambat di jeti Kompleks Pendaratan Ikan Muara selepas beroperasi;  
**Global Positioning System (GPS) provided specifically for vessel tracking shall not be modified and must always be turned 'ON' and shall not be turned 'OFF' without any reasonable excuse from the time the vessel departs from the Fish Landing Complex Muara jetty until it returns and berths at the jetty;**



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

6.5 Kapal hendaklah dilengkapi dengan alat-alat keselamatan seperti dipersyaratkan oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) termasuk:  
**The vessel shall be equipped with the safety equipment as required by the Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD) including:**

- a. jaket keselamatan  
**life jacket;**
- b. pelampung keselamatan  
**life buoy;**
- c. pam mudah alih atau pam kalis air;  
**portable pump or submersible pump;**
- d. baldi jenis besi yang dilengkapi dengan tali;  
**pail made of metal equipped with ropes;**
- e. wisel dan hon;  
**whistle and horn;**
- f. sekurang-kurangnya 2 unit alat pemadam api jenis serbuk (4.5kg);  
**at least 2 units of dry powder fire extinguisher (4.5kg);**
- g. selimut api dan baldi yang di isi dengan pasir;  
**fire blanket and pail filled with sand;**
- h. kapak; dan  
**axe; and**
- i. sekurang-kurangnya 1 unit sauh dengan rantai  
**at least 1 unit of anchor with chain**

dan mestilah sentiasa dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan;  
**and must always be in good and usable condition;**

6.6 Bilik pandu (*wheelhouse/bridge*) bahagian luar dan atap mestilah dicat dengan warna "Marine Blue 385 jenis cat jenama Kangaroo" atau yang sebanding dengannya.;  
**The exterior and the roof of the wheelhouse/bridge shall be painted with the color "Marine Blue 385 Kangaroo brand" or equivalent;**



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

- 6.7 Di sebelah tepi bahagian hadapan dan di tepi kiri dan kanan bilik pandu serta atap bilik pandu dicat "ZON 3" dengan saiz tinggi huruf dan angka 60 cm, lebar huruf dan angka 30-40cm dan tebal huruf dan angka 10 cm warna putih;
- The words "ZON 3" shall be painted on the front, the sides and the roof of the wheelhouse/bridge with white paint. Size of letters and numbers measured to be at a height of 60 cm, width of 30-40cm and thickness of 10 cm;**
- 6.8 Kapal hendaklah mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam yang berkeadaan baik semasa beroperasi;
- The vessel shall fly the flag of Brunei Darussalam which is in good condition during operation;**
- 6.9 Kapal hendaklah mematuhi garis panduan penggunaan minyak jentera kapal yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perikanan bagi setiap operasi menangkap ikan.
- The vessel shall comply with the vessel fuel consumption guidelines set by the Department of Fisheries during operation.**
7. Pemegang lesen adalah tidak dibenarkan mengubahsuai atau mengganti injin dan mengganti badan kapal berkenaan.
- The licensee shall not modify or replace the engine or hull of the vessel.**
8. Pemegang lesen hendaklah tidak menggunakan alat menangkap ikan yang lain selain daripada alat pukat tunda di atas kapal penangkapan ikan.
- The licensee shall not use any fishing gear other than a trawl net on the fishing vessel.**
9. Pemegang lesen atau nakhoda kapal yang berada di atas kapal semasa beroperasi menangkap ikan hendaklah mempunyai Sijil Kecekapan Memandu Kelas 9 (Terhad) yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) atau yang sebanding dengannya yang diakui oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) yang masih sah tempohnya.
- During operation, the licensee or the captain on board shall have a valid Certificate of Competency Class 9 (Limited) issued by Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD) or any equivalent certificate recognized by Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD).**
10. Nakhoda kapal atau sekurang-kurangnya seorang dari anak kapal hendaklah faham dan boleh bertutur dalam berbahasa Melayu atau Inggeris.
- The captain or at least one of the crew shall be able to understand and speak in Malay or English.**




**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

11. Kapal penangkapan ikan menggunakan alat pukat tunda **ditegah** :-  
**The fishing vessels are prohibited :-**
- 11.1 menangkap ikan di kawasan perairan 0 hingga 20 batu nautika dari pantai;  
**to fish within 0 to 20 nautical miles from shore;**
  - 11.2 menangkap ikan di luar perairan Negara Brunei Darussalam;  
**to fish outside of Brunei Darussalam waters;**
  - 11.3 menangkap ikan di kawasan Rizab Laut dan Taman Laut;  
**to fish within Marine Reserve and Marine Park;**
  - 11.4 menggunakan alat selam semasa menangkap ikan;  
**to use diving equipment while fishing;**
  - 11.5 bersauh atau berlabuh di atas takat-takat asli dan tiruan;  
**to anchor or dock above the corals reefs and artificial reefs;**
  - 11.6 menyebabkan kerosakan kepada *Fish Aggregating Device* seperti lawa-lawa, payau dan unjang;  
**to cause damage to Fish Aggregating Devices;**
  - 11.7 memunggah ikan dari atau kepada kapal nelayan asing; dan  
**to load fish from or to foreign vessels; and**
  - 11.8 menghampiri atau menangkap ikan di kawasan 500 meter dari sangkar ternakan ikan luar pantai.  
**to approach or fish or attempts to fish less than a distance of 500 meters from offshore fish cage culture farms.**
12. Peta-peta perikanan dan peta-peta lain yang berkenaan hendaklah sentiasa ada dibawa di atas kapal penangkapan ikan menggunakan alat pukat tunda.  
**Fisheries maps and other relevant maps shall always be carried on board of the vessel.**
13. Kapal penangkapan ikan menggunakan alat pukat tunda hendaklah bertambat dan menjalankan perusahaannya dari Kompleks Pendaratan Ikan Muara sahaja atau di kawasan yang dibenarkan oleh Pengarah Perikanan dan mendaratkan semua hasil-hasil tangkapan di Kompleks tersebut seperti yang telah ditetapkan oleh Pengarah Perikanan.  
**The fishing vessel shall berth and operate from the Fish Landing Complex Muara only or from areas permitted by the Director of Fisheries and unload all catches at Fish Landing Complex Muara or as may be determined by the Director of Fisheries.**



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

14. Pemegang lesen hendaklah mematuhi “Manual of Brunei Darussalam on Hygiene Requirement(s) For Fishing Vessels and Landing Sites”.  
**The licensee shall comply with the “Manual of Brunei Darussalam on Hygiene Requirement (s) For Fishing Vessels and Landing Sites”.**
1. Ukuran bagi lundu pukut hendaklah **tidak kurang (kecil) dari 51 mm** apabila ditarik seperti rajah di bawah ini.  
**The mesh size at the cod-end of the trawl net shall not be less than 51 mm when stretched as shown in the figure below.**



15. Pemegang lesen hendaklah menggunakan aplikasi electronic *ASEAN Catch Documentation Scheme (e-ACDS)* bagi maklumat keluar/masuk daripada Kompleks Pendaratan Ikan Muara dan memuat naik data hasil tangkapan ikan yang ditangkap mengikut kawasan atau zon.  
**The licensee shall use the electronic ASEAN Catch Documentation Scheme (e-ACDS) to notify every departure from and arrival to the Fish Landing Complex Muara as well as total catch by area or zone.**
16. Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan menghantar kepada Jabatan Perikanan laporan-laporan berikut:-  
**The licensee shall prepare and submit to the Department of Fisheries the following reports:-**
- 17.1 Jumlah hasil tangkapan ikan sebenar setiap kali mendarat termasuk jenis spesies dan berat; dan  
**Total actual catch per landing including by species and weight; and**
- 17.2 laporan atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Jabatan Perikanan.  
**any reports or other information required by the Department of Fisheries.**
17. Pemegang lesen hendaklah memastikan supaya mana-mana ikan atau spesies yang dinyatakan dibawah yang ditangkap hendaklah dilepaskan dengan serta-merta tanpa merosakkan ikan atau spesies berkenaan:-  
**The licensee shall ensure that any fish or marine species stated below that are caught must be released immediately back into the water without damaging them:-**



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

- 18.1 semua spesies ikan yu;  
**all species of sharks;**
- 18.2 ikan lumba-lumba  
**dolphin;**
- 18.3 ketam yang bertelur;  
**crab with eggs;**
- 18.4 dugong; dan  
**dugong; and**
- 18.5 penyu  
**turtle**
18. Pemegang lesen hendaklah mematuhi Perintah Perikanan, 2009 dan undang-undang dan peraturan-peraturan Negara Brunei Darussalam.  
**The licensee shall comply with the Fisheries Order, 2009, and the laws and regulations of Brunei Darussalam.**

Nota:-

**Notes:-**

- Bayaran lesen alat pukat tunda menggunakan kapal adalah B\$200.00 setahun.  
**The licence fee for the trawl net is B\$200.00 per year.**
- Pengarah Perikanan berhak dan boleh menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa kesemasa.  
**The Director of Fisheries shall have the right to add or vary the conditions of the licence as and when required.**
- Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan Yang Diberi Kuasa mempunyai kuasa untuk memeriksa kapal penangkapan ikan menggunakan alat pukat tunda pada bila-bila masa.  
**Authorised Officers from the Department of Fisheries have the authority to inspect the fishing vessels at any time.**
- Pengarah Perikanan boleh membatalkan suatu lesen jika didapati kapal penangkapan ikan menggunakan alat pukat tunda tidak beroperasi dalam masa 3 bulan dari tarikh lesen dikeluarkan dengan sebarang sebab sekalipun termasuk masalah kewangan dan ketiadaan krew kapal.  
**The Director of Fisheries shall revoke the licence if it is found that the fishing vessel is not in operation within 3 months from the date the licence is issued for whatever reason including financial issues and unavailability of the crew.**



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

- Pengarah Perikanan boleh membatalkan suatu lesen jika didapati kapal tidak selamat untuk beroperasi di laut dan mana-mana permohonan pembaharuan lesen tidak akan disokong untuk diluluskan.  
**The Director of Fisheries shall revoke the licence if it is found that the fishing vessel is unsafe to operate at sea and any application for licence renewal will not be approved.**
- Lesen dan kebenaran mengendalikan kegiatan penangkapan ikan menggunakan alat pukat tunda boleh dibatalkan dengan serta merta jika didapati mana-mana syarat-syarat lesen, peraturan-peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan tidak dipatuhi.  
**The licence and approval to operate fishing gear (trawl net) are subject to immediate cancellation in the event of any breach of any licence conditions, laws, and regulations.**
- Sebarang permohonan baharu bagi lesen alat menangkap ikan (pukat tunda) menggunakan kapal tidak akan dipertimbangkan.  
**Any new licence application for fishing gear (trawl net) using a fishing vessel will not be considered.**
- Sebarang permohonan baharu bagi mengendalikan perusahaan penangkapan ikan menggunakan alat pukat tunda menggunakan kapal yang telah ditarik balik tidak akan dipertimbangkan.  
**Any new application to operate fishing gear (trawl net) using a fishing vessel that has been canceled will not be considered.**
- Sebarang permohonan bagi kerja-kerja membaikpulih dan penyelenggaraan keseluruhan kapal seperti dry docking tidak akan dipertimbangkan. Jabatan Perikanan tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerugian yang dialami oleh pemegang lesen.  
**Any application for major repairs such as dry-docking will not be considered. The Department of Fisheries will not be responsible for any losses incurred by the licensee.**
- Di bawah Perintah Perkapalan Pedagang (Zon-Zon Keselamatan), 1988, nelayan dan perahu/kapal ditegah memasuki atau berlabuh di zon-zon keselamatan pelantar minyak dalam lingkungan 500 meter dari binaan-binaan dan pemasangan di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam dan kawasan zon-zon keselamatan yang telah diisytiharkan.  
**Under the Merchant Shipping (Safety Zones) Order, 1988, fishermen and boats/vessels are prohibited to enter or anchor within 500 meters from the oilfield installations and structures, and the declared Safety Zones situated within the territorial waters and continental shelf of Brunei Darussalam.**





**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

- Nakhoda kapal hendaklah melaporkan kepada *Muara Signal Station* semasa keluar ke laut beroperasi dan semasa masuk selepas beroperasi.  
**The captain shall report to Muara Signal Station upon departing and returning from the sea after an operation.**
- Pemegang lesen hendaklah memindahkan kapal penangkapan ikan menggunakan alat pukat tunda tersebut daripada kawasan Kompleks Pendaratan Ikan Muara dengan serta merta jika peruntukan lesen alat pukat tunda menggunakan kapal berkenaan di tarik balik atas perbelanjaan pemegang lesen tersebut.  
**The licensee shall remove the fishing vessel from the Fish Landing Complex Muara immediately if the licence is revoked at the licensee's own expense.**
- Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan dibawah Perintah Perikanan, 2009 dan Peraturan-Peraturan Perikanan yang ada.  
**Other conditions are enforced under the Fisheries Order, 2009, and the existing Fisheries Regulations.**
- Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen adalah merupakan satu kesalahan jenayah dan boleh diambil tindakan di bawah Perintah Perikanan, 2009 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga \$10,000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.  
**Failure to comply with the conditions of the licence is a criminal offence and action may be taken in accordance with the Fisheries Order, 2009 and upon conviction is liable to a fine not exceeding B\$10,000 or imprisonment of one (1) year or both.**



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

**Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.  
*I hereby agree with the terms and conditions as stated above.***

Nama : \_\_\_\_\_  
**Name**

Jawatan : \_\_\_\_\_  
**Designation**

Syarikat dan Alamat : \_\_\_\_\_  
**Company and Address**

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
**Identity card No.**

No. Telefon : \_\_\_\_\_ (pejabat) \_\_\_\_\_ (hp) \_\_\_\_\_ (faks)  
**Telephone No.** (office) (mobile phone) (fax)

Emel : \_\_\_\_\_  
**Email**

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
**Signature**

Tarikh : \_\_\_\_\_  
**Date**

=====

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT  
FOR ADMINISTRATIVE USE**

**Pegawai Yang Diberikuasa :  
Authorised Officer**

Nama : \_\_\_\_\_  
**Name**

Jawatan : \_\_\_\_\_  
**Designation**

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
**Signature**

Tarikh : \_\_\_\_\_  
**Date**